

Headline	ITE student composed special song to support campaign		
Date	2008-09-03		
Media Title	Berita Harian (Mon-Sat)	Section	Local News
Page No	4	Size	25x26cm
Description	ITE Bishan College Centre, two students composed special song for the Speak Good English Movement (SGEM). This campaign organized by National Library Board (NLB) is for the ninth time this year.		

GERAKAN BERTUTUR BAHASA INGGERIS YANG BAIK

Pelajar ITE cipta lagu khas untuk bantu kempen

Belia terdorong galak masyarakat Singapura tidak bertutur 'bahasa' Singlish

Oleh **NURUL DAYANA SIMANGOON**
dayans@sph.com.sg

FASIH bertutur bahasa Inggeris tanpa menggunakan 'bahasa' Singlish yang mencampurkan perkataan bahasa lain.

Itulah hasrat dua pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Pusat (Bishan) bagi masyarakat Singapura dan para belia hingga mendorong mereka mencipta lagu khas bagi kempen Gerakan Bertutur Bahasa Inggeris Yang Baik (SGEM).

Lagu ciptaan Encik Muhammad Hairulnauar Bohari berjudul *The Way To Go* mengajak orang ramai bertutur bahasa Inggeris dengan baik.

Ia dinyanyikan oleh Cik Nurriszkin Isdianti Rased pada pelancaran kempen tersebut.

Kempen yang dianjurkan oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) itu diadakan buat kali kesembilan tahun ini.

Bertemakan 'Saya Boleh' (I Can), ia dilancarkan oleh Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik Lim Boon Heng, di Paragon baru-baru ini.

Namun, walaupun kedua-dua pelajar itu kini fasih berbahasa Inggeris, mereka sebelum ini sering mencampurkan bahasa itu dengan perkataan Melayu dalam perbualan harian.

Menceritakan pengalamannya itu, Cik Nurriszkin, pelajar jurusan perniagaan berusia 19 tahun, berkata:

"Dahulu saya tidak mengambil kisah tentang bahasa Inggeris saya yang kurang memuaskan.



FOTO: M.O. SALLEH

HIBURKAN PENONTON: Cik Nurriszkin Isdianti menyanyikan lagu 'The Way To Go' pada acara pelancaran kempen 'Gerakan Bertutur Bahasa Inggeris Yang Baik' (SGEM) tahun ini. Lagu itu dicipta oleh Encik Muhammad Hairulnauar yang memetik gitar.

"Saya dibesarkan dalam persekitaran yang berbahasa Melayu. Dengan rakan bukan Melayu pula, saya selalu bertutur Singlish."

Namun, pemikirannya itu berubah setelah beliau mengikuti satu program pertukaran di New Zealand ketika di sekolah menengah.

"Secara kebetulan, saya terdengar beberapa warga New Zealand berkata bahawa mereka sebenarnya sukar memahami apa yang kami katakan walaupun kami berbahasa Inggeris!"

"Saya terkilan dan bertekad

untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris saya," tambahnya.

Encik Hairulnauar, pelajar jurusan pengurusan acara berusia 21 tahun, pula berkata:

"Dengan pembinaan resort bersepadu (IR) dan acara perlumbaan Formula Satu (F1) yang menjelang, Singapura dijangka menarik lebih ramai pelawat asing nanti.

"Oleh itu, kita harus menunjukkan contoh yang baik dan bertutur dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu sebaik-baik mungkin."

"Secara kebetulan, saya terdengar beberapa warga New Zealand berkata bahawa mereka sebenarnya sukar memahami apa yang kami katakan walaupun kami berbahasa Inggeris!"

"Saya terkilan dan bertekad untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris saya."

– Cik Nurriszkin Isdianti Rased.